



09 JAN, 2026

AI dorong peningkatan penggunaan elektrik pada 2028

Utusan Malaysia, Malaysia



AI dorong peningkatan penggunaan elektrik pada 2028


PETALING JAYA: Sebanyak 91 peratus perniagaan di Malaysia menjangkakan penggunaan elektrik akan meningkat menjelang 2028, didorong peningkatan tenaga boleh diperbaharui, pendigitalan dan kecerdasan buatan (AI).

Menurut program penyelidikan Navigating the Energy Transition EY, kajian mendedahkan peningkatan permintaan elektrik, sasaran kemampanan dan jangkaan untuk penyelesaian tenaga pintar dan mesra alam.

Katanya, 75 peratus perniagaan menjangkakan keperluan tenaga yang lebih kompleks didorong oleh kos tenaga yang meningkat dan tidak stabil (68 peratus), kebimbangan ketersediaan dan kebolehpercayaan (80 peratus) dan imperatif penyahkarbonan (82 peratus).

“Peralihan ini didorong proses elektrifikasi, penggunaan kenderaan elektrik (EV) serta penerapan teknologi digital seperti automasi dan AI.

“Pada 2026, inisiatif seperti Solar Accelerated Transition Action Programme (Solar ATAP) akan mula berkuat kuasa, sekali gus menegaskan komitmen kerajaan untuk menjadikan peralihan tenaga sebagai satu daripada keutamaan nasional Malaysia, selari dengan pertumbuhan ekonomi, kelestarian dan daya



KECERDASAN buatan (AI) dijangka mendorong peningkatan penggunaan elektrik tiga tahun lagi. - GAMBAR HIASAN

tahan,” katanya dalam kenyataan.

EY berkata, perniagaan yang menyumbang lebih 75 peratus daripada permintaan elektrik negara bersedia melabur dalam penyelesaian tenaga bersih.

Katanya, lebih 83 peratus syarikat merancang meningkatkan pelaburan dalam elektrifikasi operasi, pengurangan pelepasan karbon dan penjimatan kos tenaga.

“Sebanyak 72 peratus mempertimbangkan pemasangan tenaga boleh diperbaharui di premis sendiri seperti panel solar atas bumbung manakala lebih separuh atau 54 peratus

sedang meneroka peluang untuk menjual lebihan tenaga kembali ke grid,” ujarnya.

Ketua Transformasi Pengalaman Pelanggan Tenaga & Sumber Asia Pasifik EY, Mark Bennett berkata, tenaga kini menjadi aset daya saing.

“Perniagaan yang mengadaptasi penyelesaian yang lebih pintar dan hijau akan membuka peluang pertumbuhan serta meningkatkan daya tahan.

“Kerjasama antara syarikat, penyedia tenaga dan pembuat dasar adalah kritikal kepada masa depan tenaga Malaysia,” katanya.